

**FAQ PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2011**  
**DASAR DAN PROSEDUR PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN**

## Isi Kandungan

### **Perkara**

### **Muka Surat**

*Dasar dan Prosedur*

3

*Waktu Bekerja*

6

*Penentuan Kadar Upah dan Jenis Tugas*

6

*Elaun dan Kemudahan*

9

**FAQ PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2011**  
**DASAR DAN PROSEDUR PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>A. Dasar dan Prosedur</b>		
1.	Apakah rasional pengenalan Pekerja Sambilan Harian (PSH)?	Kerajaan memutuskan untuk menyeragamkan pengambilan pekerja bukan tetap supaya tidak timbul isu pertindihan tugas dan perbezaan kadar upah antara Pekerja Sambilan dan Pekerja Khidmat Singkat (PKS).
2.	Apakah objektif pengambilan PSH?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperoleh perkhidmatan <i>daily workers</i> bagi tempoh yang tidak berpanjangan di mana tugasnya adalah berbentuk projek/ program, <i>ad hoc</i> atau bermusim (<i>seasonal</i>).</li> <li>ii. Pengambilan PSH dapat dilaksanakan dengan mudah, ringkas dan menjimatkan.</li> </ul>
3.	Apakah contoh tugas yang bersesuaian diberikan kepada PSH?	<p>Contoh tugas yang sesuai dilaksanakan oleh PSH adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tugas berbentuk projek/ program - kerja memasukkan data (<i>data entry</i>) bagi tempoh tertentu, pengumpul maklumat atau pembantu penyelaras program NKRA, RMK-10 atau lain-lain yang bersesuaian.</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>ii. Tugas <i>ad hoc</i> (projek/ program baru tanpa perancangan awal yang perlu dilaksanakan untuk tujuan tertentu) seperti petugas pilihanraya kecil, petugas bantuan bencana, petugas mengawal jangkitan wabak penyakit atau lain-lain yang bersesuaian.</p> <p>iii. Tugas bermusim (<i>seasonal</i>) - petugas pilihanraya umum, pemantau atau pemeriksa harga, pembanci penduduk, pembanci perangkaan, pembantu penyelaras peperiksaan, petugas acara sukan, keraian atau lain-lain yang bersesuaian.</p>
4.	<p>i. Apakah status Pekerja Sambilan dan PKS yang telah dilantik pada tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011(PP3/2011) iaitu pada 9 Mac 2011, sedangkan pada tarikh tersebut pengambilan PSH telah berkuat kuasa?</p> <p>ii. Apakah status Pekerja Sambilan dan PKS yang dilantik sebelum 9 Mac 2011 dan tempoh</p>	<p>Pelantikan Pekerja Sambilan dan PKS boleh diteruskan sehingga tamat tempoh perkhidmatan seperti mana tempoh yang ditetapkan dalam surat tawaran pelantikan Pekerja Sambilan dan PKS yang dipersetujui sebelum ini. Selepas tamat tempoh tersebut, jika perkhidmatan Pekerja Sambilan dan PKS masih diperlukan oleh Jabatan, mereka boleh diambil bekerja sebagai PSH.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	perkhidmatannya masih belum tamat semasa berkuatkuasanya PP3/2011?	
5.	Berapa lamakah tempoh maksimum perkhidmatan PSH?	Tempoh maksimum perkhidmatan PSH adalah tidak lebih dari 3 bulan. Sekiranya masih terdapat keperluan mendesak, Ketua Jabatan boleh melanjutkan perkhidmatan PSH sehingga tempoh maksimum terakhir/ muktamad 3 bulan lagi.
6.	Apakah yang perlu dilakukan oleh Ketua Jabatan sekiranya tugas-tugas yang dilaksanakan oleh PSH masih belum selesai dan perkhidmatan PSH masih lagi diperlukan selepas tempoh maksimum 6 bulan (3 bulan + 3 bulan)?	<p>Ketua Jabatan harus meneliti semula keperluan dan kepentingan tugas berkaitan. Antara kaedah pengambilan yang boleh dilaksanakan oleh Ketua Jabatan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. melantik calon secara kontrak berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP 2/2008) - Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (<i>Contract of Service</i>) dengan pelaksanaan seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> <li>a. menggunakan peruntukan OS11000 (pelantikan yang mengisi mana-mana jawatan kosong dalam senarai perjawatan sedia ada); atau</li> <li>b. menggunakan peruntukan OS29000 (pelantikan yang tidak mengisi mana-mana jawatan kosong dalam senarai perjawatan sedia ada). Permohonan pelantikan di bawah OS29000 ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk persetujuan.</li> </ul> </li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		ii. melantik calon secara <i>contract for service</i> dengan merujuk kepada Perbendaharaan Malaysia menggunakan peruntukan OS29000; dan  iii. menggunakan khidmat luar ( <i>outsourcing</i> ).
<b>B. Waktu Bekerja</b>		
7.	Bagaimana dengan penetapan waktu bekerja PSH?	i. Tempoh bekerja PSH adalah 9 jam sehari termasuk waktu rehat.  ii. Ketua Jabatan boleh menetapkan waktu bekerja kepada PSH dan tidak terikat dengan Waktu Bekerja Berperingkat seperti mana pegawai awam lain.
8.	Bolehkah PSH bekerja mengikut syif?	PSH boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk bekerja mengikut syif tertakluk kepada tempoh bekerja selama 9 jam sehari termasuk waktu rehat.
<b>C. Penentuan Kadar Upah dan Jenis Tugas</b>		
9.	Bagaimana menentukan kadar upah berdasarkan prinsip <i>rate for the job</i> ?	Proses bagi menentukan prinsip <i>rate for the job</i> adalah seperti berikut :  i. mengenal pasti tugas yang akan dilaksanakan;

BIL.	SOALAN	JAWAPAN												
		<p>ii. menentukan kelayakan akademik yang diperlukan untuk melaksanakan tugas yang ditetapkan; dan</p> <p>iii. menentukan kadar upah harian kepada PSH seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="919 597 1873 1227"> <thead> <tr> <th data-bbox="919 597 1335 701">Jenis Tugas</th> <th data-bbox="1335 597 1661 701">Keperluan Tahap Akademik</th> <th data-bbox="1661 597 1873 701">Kadar Upah Sehari</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="919 701 1335 873">Tugas yang memerlukan PSH memiliki Ijazah seperti tugas penyelidikan.</td> <td data-bbox="1335 701 1661 873">Ijazah Sarjana Muda</td> <td data-bbox="1661 701 1873 873">RM100.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="919 873 1335 1084">Tugas yang memerlukan PSH memiliki STPM/ Diploma seperti tugas menyelenggara dan membaik pulih peralatan ICT.</td> <td data-bbox="1335 873 1661 1084">STPM/ Diploma</td> <td data-bbox="1661 873 1873 1084">RM72.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="919 1084 1335 1227">Tugas yang memerlukan PSH memiliki SPM seperti tugas memasukkan data (<i>data entry</i>).</td> <td data-bbox="1335 1084 1661 1227">SPM</td> <td data-bbox="1661 1084 1873 1227">RM54.00</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Tugas	Keperluan Tahap Akademik	Kadar Upah Sehari	Tugas yang memerlukan PSH memiliki Ijazah seperti tugas penyelidikan.	Ijazah Sarjana Muda	RM100.00	Tugas yang memerlukan PSH memiliki STPM/ Diploma seperti tugas menyelenggara dan membaik pulih peralatan ICT.	STPM/ Diploma	RM72.00	Tugas yang memerlukan PSH memiliki SPM seperti tugas memasukkan data ( <i>data entry</i> ).	SPM	RM54.00
Jenis Tugas	Keperluan Tahap Akademik	Kadar Upah Sehari												
Tugas yang memerlukan PSH memiliki Ijazah seperti tugas penyelidikan.	Ijazah Sarjana Muda	RM100.00												
Tugas yang memerlukan PSH memiliki STPM/ Diploma seperti tugas menyelenggara dan membaik pulih peralatan ICT.	STPM/ Diploma	RM72.00												
Tugas yang memerlukan PSH memiliki SPM seperti tugas memasukkan data ( <i>data entry</i> ).	SPM	RM54.00												

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Contoh prinsip <i>rate for the job</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda/Diploma/STPM tetapi melaksanakan tugas berbentuk perkeranian atau tugas yang setara dengan kelayakan SPM hendaklah dibayar upah sebanyak RM54.00 sehari dan bukannya berdasarkan kelayakan akademik tertinggi yang dimiliki.</li> <li>ii. calon yang memiliki SPM tidak boleh diambil untuk melaksanakan tugas yang memerlukan kelayakan yang lebih tinggi iaitu Ijazah Sarjana Muda/Diploma/STPM.</li> </ul>
10.	Apakah takrifan “tugas” dalam konteks PSH ini?	"Tugas" dalam konteks PSH merujuk kepada tugas yang ditetapkan kepada PSH seperti mana dalam surat tawaran pengambilan PSH atau tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.
11.	Bagaimana dengan status Pekerja Sambilan atau PKS yang sebelum ini dilantik menjalankan tugas yang memerlukan kelayakan yang lebih rendah daripada SPM?	Sekiranya masih terdapat keperluan, Pekerja Sambilan atau PKS boleh dipertimbangkan pelantikan secara kontrak ( <i>contract of service</i> ) berdasarkan PP2/2008 tertakluk kepada persetujuan kuasa menimbang dan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik.
12.	Apakah kaedah pengambilan yang sesuai bagi melaksanakan tugas yang memerlukan kelayakan yang lebih rendah daripada SPM?	<p>Antara kaedah pengambilan yang boleh dilaksanakan oleh Ketua Jabatan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. pelantikan secara kontrak (<i>contract of service</i>);</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. pelantikan secara <i>contract for service</i>; atau</li> <li>iii. menggunakan khidmat luar (<i>outsourcing</i>).</li> </ul>
13.	Bolehkah PSH dibayar upah bekerja pada cuti mingguan dan cuti kelepasan am?	Ya, PSH boleh dibayar upah bekerja pada cuti mingguan dan cuti kelepasan am berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 berdasarkan keputusan JPA melalui Surat Edaran bil. JPA.BK(S)54/3/ Jld.4(2) bertarikh 12 Disember 2012.
<b>D. Elaun dan Kemudahan</b>		
14.	Adakah PSH layak menuntut Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri?	<p>PSH hanya layak menuntut Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Elaun Perjalanan Kenderaan;</li> <li>ii. Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing;</li> <li>iii. Elaun Harian; dan</li> <li>iv. Elaun Makan.</li> </ul> <p>PSH tidak layak menuntut Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri selain daripada apa yang dinyatakan di atas.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
15.	Adakah PSH layak dibayar Imbuhan Tetap dan Bantuan Sara Hidup?	PSH tidak layak dibayar Imbuhan Tetap dan Bantuan Sara Hidup.
16.	Adakah PSH layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan jika kenderaan disediakan oleh Jabatan?	PSH yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh Jabatan semasa menjalankan tugas rasmi tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan.
17.	Adakah PSH layak menuntut bayaran lain berkaitan dengan Elaun Perjalanan Kenderaan?	Bayaran lain yang layak dituntut oleh PSH adalah bayaran tol atau sewa parking dengan disokong oleh resit.
18.	Bagaimana prinsip pemberian Elaun Makan kepada PSH?	Elaun Makan tidak layak dituntut jika makanan disediakan oleh Jabatan atau Jabatan menyediakan kemudahan dalam bentuk wang bagi menampung perbelanjaan makan tersebut.
19.	Bagaimana prinsip pemberian Elaun Harian kepada PSH?	PSH yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh melebihi 8 jam tetapi kurang dari 24 jam adalah layak menuntut Elaun Harian mengikut kadar separuh daripada kelayakan Elaun Makannya.
20.	Bolehkan PSH menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing?	<p>PSH yang menjalankan tugas rasmi di luar pejabat dan perlu menginap jika penginapan tidak disediakan oleh Jabatan atau penganjur, layak menuntut Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit tertakluk kepada had maksimumnya atau Elaun Lojing mengikut kadar yang ditetapkan dalam PP3/2011.</p> <p>PSH juga layak menuntut bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang wajib ke atas sewa hotel sebagai tambahan kepada maksimum kelayakannya.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
21.	Adakah PSH layak mendapat kemudahan Cuti Rehat?	PSH tidak diperuntukkan kemudahan Cuti Rehat dan tidak layak dibayar upah pada hari PSH tidak hadir bertugas.
22.	Apakah formula pengiraan kadar Elaun Lebih Masa?	<p>Mulai 1 Januari 2013, PSH layak dibayar Elaun Lebih Masa mengikut formula berikut:</p> $\frac{\text{Gaji Harian} \times 23 \text{ Hari Bekerja} \times 12 \text{ Bulan}}{313 \text{ Hari Bekerja} \times 8 \text{ Jam}} = \text{Kadar Elaun Sejam}$